

RM300,000 bagi maju kampung

B.H

14/03/09 M/S 8

KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mensasarkan untuk memberi ganjaran RM300,000 masing-masing kepada 50 kampung pertama yang berjaya melaksanakan rancangan kemajuan kampung mengikut Pelan Tindakan Desa masing-masing.

Menterinya, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, berkata sejak dilancarkan akhir Januari lalu, 17 kampung menerima ganjaran yang bertujuan memberi galakan kepada pemimpin dan masyarakat kampung terbabit mengembangkan lagi pelbagai kegiatan dan bidang berpotensi mening-

katkan taraf hidup mereka.

"Ada 14,683 kampung di seluruh negara dan bayangkan produk yang boleh dihasilkan jika setiap desa beri tumpuan kepada pelbagai bidang yang melonjak aspek pembangunan ekonomi, infrastruktur dan modal insan. Kita bukan saja dapat

Pelan
TINDAKAN
Desa

lahirkan pemimpin berkualiti malah penduduk desa yang berdaya maju," katanya selepas merasmikan Seminar Pembangunan Daerah 2009 di sini.